



D KAMARUDIN (tiga kanan) bersama No'man (kanan), Yussup (tiga kiri), Mahadir (kiri) dan tetamu jemputan bergambar sambil menunjukkan gaya 'Soaring Upwards' selepas majlis menandatangani MoA.

Usahasama penyelidikan diperluas

► MoA UMS dengan syarikat tempatan Hafiz Farm Sdn Bhd

UB 29.11.2017 BT

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

KOTA KINABALU: Memorandum Perjanjian (MoA) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan syarikat tempatan Hafiz Farm Sdn Bhd bantu perluas usahasama penyelidikan antara kedua-dua pihak.

Majlis menandatangani MoA berkenaan melibatkan Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin bersama Pendaftar UMS No'man Ahmad, di sini pada Selasa.

Hafiz Farm Sdn Bhd iaitu sebuah

syarikat berasaskan pertanian dan penternakan diwakili oleh Pengarah Eksekutif Yussup Nannong dan Pengurus Besar Mahadir Sultan.

Menerusi MoA itu, UMS dan Hafiz Farm akan menjalin usahasama penyelidikan dan pemuliharaan rumput Napier Pakchong dan kepelbagaiannya dibawah Fakulti Pertanian Lestari UMS.

Ia juga bagi membangunkan teknologi untuk penghasilan Napier Pakchong dengan menguntungkan ruminan.

Pada masa sama, kerjasama ini juga akan menyediakan latihan yang relevan

untuk berkongsi hasil penemuan menerusi penghasilan saintifik.

Tempoh penyelidikan dijalankan selama 24 bulan bermula November 2016 hingga November 2018.

Hafiz Farm sebelum ini juga sudah memulakan usahasama dan rakan niaga dengan UMS kampus Sandakan dalam bidang penternakan.

Ia meliputi aktiviti penelitian pemakanan, pengurusan dan peningkatan produktiviti penternakan kambing pedaging, bebiri dan tenusu, lembu pedaging, lembu tenusu serta rumah sembelih ruminan dan unggas.